

BAB 1 PENGENALAN KEPADA EKONOMI (C)

1. Yang manakah antara di bawah **bukan** merupakan faktor-faktor pengeluaran?
A Modal
B Barang pengguna
C Sumber tanah tanih
D Pegawai pengurusan
2. Sewa merupakan pulangan kepada sumber ekonomi yang A Sanggup menanggung risiko ketidakpastian
B Membenarkan orang lain menguruskan keuntungannya
C Merupakan anugerah alam semula jadi dan penawarannya adalah tetap
D Menawarkan tenaga fizikal dan mental dalam proses penghasilan barangan
3. Pernyataan berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi.

Kekurangan faktor pengeluaran mewujudkan pilihan.

Matlamat pilihan tersebut dibuat untuk memaksimumkan

- A keluaran
 - B kepuasan
 - C kebajikan
 - D keuntungan
4. Sebahagian besar tanah pertanian di kawasan luar bandar negeri Perak kini bertukar menjadi kawasan perumahan.
Apakah kos lepas masyarakat tempatan mengenai pertukaran ini?
A Pengurangan pengeluaran barang pertanian
B Peningkatan taraf hidup masyarakat
C Pengurangan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar
D Peningkatan bilangan rumah untuk dijual
 5. Antara yang berikut, manakah andaian yang digunakan semasa membentuk keluk kemungkinan pengeluaran?
I Tingkat teknologi tetap
II Tingkat harga tetap
III Terdapat tiga jenis barang
IV Sumber ekonomi mencapai tingkat guna tenaga penuh
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
 6. Jadual di bawah menunjukkan dua pilihan teknik pengeluaran sebuah firma.

Teknik Pengeluaran	Radio (unit)	Televisyen (unit)
A	120	40
B		20
		60

Sekiranya firma tersebut menukarkan teknik pengeluaran daripada A kepada B, berapakah kos lepas pengeluaran televisyen?

- A 40 unit radio
 - B 80 unit televisyen
 - C 40 unit televisyen
 - D 80 unit radio
7. Seorang penganggur telah menerima tawaran kerja di sebuah syarikat swasta. Kos lepas bagi keputusan tersebut adalah
A Latihan yang perlu dihadiri

- B Masa lapang untuk aktiviti hiburan
 C Perbelanjaan pengangkutan untuk pergi ke tempat kerja
 D Pendapatan yang diperoleh daripada pekerjaan tersebut
8. Sebarang titik di dalam keluk kemungkinan pengeluaran menunjukkan
 A Titik kecekapan
 B Titik ketidakcekapan
 C Titik yang tidak akan dicapai
 D Kombinasi output maksimum
9. Keluk kemungkinan pengeluaran menunjukkan
 A Tingkat keluaran adalah cekap dan berpotensi dalam ekonomi
 B Tingkat keluaran maksimum dalam keadaan guna tenaga penuh
 C Tingkat keluaran sebenar yang dapat dikeluarkan dengan penggunaan sumber ekonomi yang berkualiti
 D Tingkat keluaran yang dapat dikeluarkan melalui penggunaan sumber ekonomi yang tidak terbatas
10. Maklumat yang berikut berkaitan dengan kombinasi keluaran oleh firma X.

Kombinasi keluaran	Pakaian (unit)	Kasut (unit)
R S	100 75	60 85

Berapakah kos lepas sekiranya firma X menukar kombinasi keluaran dari R ke S?

- A 15 unit kasut
 B 60 unit kasut
 C 25 unit pakaian
 D 100 unit pakaian